

04 MAY 2001

MAHATHIR-TENAGA

KERAJAAN TIDAK AKAN SWASTAKAN SEPENUHNYA INDUSTRI BEKALAN TENAGA ELEKTRIK

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Kerajaan tidak akan menswastakan sepenuhnya industri bekalan tenaga elektrik negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata walaupun pihak swasta akan memainkan peranan yang penting dalam industri tersebut, ia tidak sama seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB).

TNB akan mempunyai peranan yang penting dalam industri bekalan elektrik negara kerana ia mempunyai pengalaman yang luas dan kerana hakikat ia dikuasai kerajaan yang dipilih rakyat, katanya ketika berucap semasa melakukan lawatan kerja ke Ibu Pejabat TNB di Bangsar, di sini.

Perdana Menteri turut melancarkan secara tele-persidangan Unit No.5 Stesen Jana Elektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Kapar, Skim Taman Perumahan TNB di Pasir Gudang, Johor, Kampus Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) di Bandar Muadzam Shah, Pahang dan Kedai Tenaga PROSPER di Taman Tun Dr Ismail.

Beliau berkata pihak swasta akan hanya mementingkan keuntungan manakala TNB selain melihat kepada keuntungan akan juga memberi keutamaan kepada kesejahteraan rakyat.

"Jadi janganlah kita khuatir kerajaan akan mengikut negara-negara maju yang ghairah dengan penswastaan bekalan semua tenaga elektrik mereka," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata ada antara negara tersebut kini sedar bahawa penswastaan sepenuhnya mungkin membawa kepada masalah terputus bekalan elektrik.

"Di Malaysia, kita akan imbangi peranan pihak swasta dan awam terutama dalam penjanaan dan pengagihan tenaga di seluruh negara," katanya.

Dr Mahathir berkata kejayaan TNB sebagai sebuah syarikat pembekal utama tenaga elektrik ke seluruh negara yang baik meyakinkan bahawa penswastaannya menjadikan ia lebih cekap berbanding sebagai satu jabatan yang diurus secara birokratik oleh kerajaan.

Beliau berkata kejayaan TNB mencatat keuntungan RM1.4 bilion bagi tempoh enam bulan pertama berakhir Februari lepas adalah satu prestasi yang membanggakan dan berharap TNB akan menjadi syarikat pertama di negara ini yang mencatat keuntungan RM3 bilion.

Melihat kepada kegigihan dan kejayaan TNB, Perdana Menteri yakin sasaran keuntungan itu akan dapat dicapai.

Mengenai industri tenaga elektrik, Dr Mahathir berkata penjanaan tenaga yang mencukupi adalah amat penting bagi menggerakkan pembangunan negara dan pada zaman moden ini kerana kebanyakan peralatan dan mesin memerlukan tenaga elektrik.

Katanya bekalan tenaga elektrik di Malaysia kini menjadi satu keperluan kepada semua lapisan rakyat termasuk di kawasan terpencil dan adalah satu perkara yang amat membanggakan kerana TNB berjaya meningkatkan kemudahan bekalan elektrik.

"Bagaimanapun, kita bersikap sambil lewa. Jangan kita fikir ia satu perkara semulajadi, ia perlu diusaha dan diurus dengan baik serta dijaga dan diselia oleh mereka yang berpengetahuan, cekap dan terlatih," katanya.

Dr Mahathir berkata industri bekalan tenaga elektrik kini mempunyai pelbagai kerumitan dan apa yang berlaku di California, yang mengalami gangguan dan keputusan bekalan tenaga elektrik baru-baru ini, menunjukkan bahawa industri berkenaan perlu diurus dengan baik.

Katanya kejadian itu juga membuktikan bahawa tidak ada suatu sistem yang sempurna dan negara maju tidak seharusnya memandang rendah dengan keupayaan dan kebolehan negara sedang membangun.

"Mereka masih tidak mengatasi masalah ini (keputusan bekalan) sampai sekarang. Kita juga tidak harus mengata pada orang kerana ia akan menimpa balik kepada kita. Itu nasib buruk mereka kerana tidak ada manusia yang begitu cekap sehingga tidak ada satu malapetaka boleh menimpa. Manusia tidak sempurna, ada cacat celanya" katanya.

Perdana Menteri berkata masalah bekalan elektrik yang berlaku di California adalah satu rahmat kerana terdapat industri yang menggunakan elektrik seperti "pelebur aluminium" kini mencari negara lain seperti Malaysia yang mempunyai projek hidro elektrik Bakun.

Sementara itu, semasa sesi soal jawab, Dr Mahathir berkata penswastaan sesuatu entiti atau agensi kerajaan adalah berbeza dengan negara lain yang hanya ingin mendapatkan tukaran wang asing bagi menghapuskan hutang, sebaliknya di Malaysia penswastaan diberikan kepada rakyat negara ini yang berkemampuan dan sanggup bekerjasama dengan kerajaan.

Katanya kerajaan juga merupakan pemegang saham terbesar dalam sesuatu entiti yang diswastakan malah kerajaan juga bertanggungjawab terhadap penswastaan berkenaan.

"Kita tidak akan terburu-buru menswastakan satu-satu janakuasa melainkan ia dapat memberi faedah kepada kakitangan khususnya upah yang lebih baik termasuk terma-terma (syarat) penswastaan yang diberikan kepada pekerja mestilah lebih baik," katanya.

Dr Mahathir berkata pendekatan sesuatu penswastaan itu juga bergantung kepada sesebuah entiti sama ada ia berdaya maju diswastakan sepenuhnya, sebahagian atau sekadar dikorporatkan.

-- BERNAMA

MAD HS OS